

08/02/1997

Pelbagai bangsa meriahkan perayaan

KUALA LUMPUR, Jumaat - Rakyat Malaysia daripada pelbagai bangsa menyertai sambutan Tahun Baru Cina hari ini dengan mengunjungi rumah terbuka anjuran rakan-rakan mereka berketurunan Cina di seluruh negara.

Di ibu negara, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengetuai pembesar negara dan rakyat pelbagai lapisan mengucapkan Selamat Tahun Baru kepada masyarakat Cina dengan mengunjungi rumah terbuka anjuran MCA dan Gerakan.

Turut serta ialah Datin Seri Dr Siti Hasmah Ali, Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim dan isteri Datin Seri Dr Wan Azizah Ismail.

Walaupun sambutan berlangsung dalam bulan puasa, ramai umat Islam turut berkunjung ke rumah terbuka rakan-rakan mereka sekadar mengucapkan Selamat Tahun Baru Cina serta mengukuhkan tali persaudaraan.

Perayaan tahun ini lebih bermakna kerana umat Islam pula akan menyambut Aidilfitri Ahad ini.

Di MELAKA, beberapa hotel utama di bandar ini menganjurkan majlis jamuan makan malam tadi untuk pengunjung dari dalam dan luar negeri meraikan bersama keluarga dan rakan.

Dewan Perniagaan Cina Melaka akan menganjurkan rumah terbuka di Hotel Renaissance malam ini, yang dijadual dihadiri Yang Dipertua Negeri Melaka Tun Syed Ahmad Shahabudin Al-Haj dan Ketua Menteri Datuk Seri Mohd Zin Abdul Ghani.

Di PULAU PINANG, 5,000 rakyat pelbagai keturunan mengunjungi rumah terbuka Ketua Menteri Tan Sri Dr Koh Tsu Koon di Rumah Tetamu di Jalan Mac Alister di sini.

Keriangannya jelas di wajah masing-masing ketika mereka mengucapkan "Gong Xi Fa Cai" dan "Selamat Berkongsi Raya" kepada Koh dan isterinya, Puan Sri Chui Kah Peng serta rakan dan taulan yang turut hadir.

Yang Dipertua Negeri Tun Hamdan Sheikh Tahir dan isterinya, Toh Puan Siti Zainab Baharuddin turut meluangkan masa selama sejam di situ.

Turut hadir ialah Timbalan Ketua Menteri Datuk Mohd Shariff Omar dan Timbalan Menteri Di Jabatan Perdana Menteri Datuk Dr Ibrahim Saad serta isteri.

Di IPOH, hujan di awal pagi tidak menjejaskan sambutan.

Seperti lazimnya, rumah terbuka diadakan oleh masyarakat Cina. Menteri Perusahaan Utama Datuk Seri Dr Lim Keng Yaik akan mengadakan rumah terbuka di kawasan Parlimennya di Beruas pada Isnin.

Di KUANTAN, suasana meriah perayaan Tahun Baru Cina dan keharmonian masyarakat berbilang kaum turut dirasakan dengan amalan kunjung mengunjungi.

Rakan beragama Islam ini diberikan bungkusan mengandungi limau mandarin, kacang dan minimum untuk dibawa pulang.

Di KUALA TERENGGANU, sambutan Tahun Baru Cina agak meriah kerana cuaca baik dan cerah.

Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Alam Sekitar, Kesihatan dan Hal Ehwai Pengguna, Wong Foon Meng mengadakan rumah terbuka untuk masyarakat bukan Islam di kediamannya di Jalan Air Jernih di sini.

Bagaimanapun, Wong akan mengadakan rumah terbuka bagi masyarakat Islam di Dewan Tunku Abdul Rahman pada Jumaat ini.

Di KUCHING, suasana perayaan Tahun Baru Cina tetap meriah walaupun umat Islam masih menjalankan ibadat puasa dan bersiap menyambut hari raya.

Antara orang kenamaan yang mengadakan rumah terbuka ialah Speaker Dewan Undangan Negeri Sarawak Datuk Song Swee Guan, Menteri Muda Pembangunan Perindustrian Sim Kheng Hui dan aktivitis amal Datuk Seri Ang Lai Soon.

Timbalan Ketua Menteri Sarawak Tan Sri Amar Alfred Jabu dan isteri ialah antara pengunjung ke rumah terbuka yang diadakan.

Di ALOR SETAR, sambutan meriah walaupun hujan turun sekali sekala sejak awal pagi ini.

Beberapa pemimpin masyarakat Cina mengadakan rumah terbuka masing-masing, antaranya Anggota Exco Kerajaan Negeri Datuk Beh Heng Seong di Gurun.

Bagaimanapun, berikutan Tahun Baru Cina kali ini sekali lagi disambut ketika umat Islam menunai puasa, parti-parti politik MCA dan Gerakan peringkat negeri akan mengadakan rumah terbuka masing-masing hujung minggu depan.

Di KOTA KINABALU, kebanyakan orang kenamaan di negeri ini akan mengadakan rumah terbuka sempena perayaan itu pada hari esok.

Di JOHOR BAHRU, beberapa anggota Dewan Undangan Negeri mengadakan rumah terbuka. Antara mereka ialah Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan Datuk Jimmy Low, Pengerusi Jawatankuasa Alam Sekitar dan Hal Ehwal Pengguna Dr Chua Soi Lek dan anggota Dewan Undangan Negeri kawasan Stulang Freddie Loong.

Kebanyakan mereka mengadakan rumah terbuka pada sebelah malam dari 7 hingga 12 tengah malam terutamanya bagi rakan-rakan yang beragama Islam yang berpuasa.

Menteri Besar Tan Sri Mohamed Isa Abdul Samad dan isteri Puan Sri Hazizah Tumin adalah antara lebih 1,000 tetamu berbilang kaum yang menghadiri rumah terbuka anjuran MCA di Dewan Majlis Perbandaran Seremban.

Walaupun hujan turun seketika tetapi majlis itu tetap meriah dengan diserikan dengan pelbagai persembahan termasuk tarian singa.

Ketika berucap pada majlis itu, Mohamed Isa berkata perpaduan kaum dan kestabilan politik di negara ini hendaklah sentiasa dipertahankan dalam usaha mencapai status negara maju.

Katanya, generasi muda pula perlu menghayati semangat itu untuk menjamin masa depan negara yang lebih cemerlang. - Bernama.

(END)